



GARIS PANDUAN PEMBAYARAN ELAUN AHLI JAWATANKUASA MASJID YANG HILANG PENDAPATAN KERANA MESYUARAT/KURSUS/SEMINAR/LATIHAN

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan mengenai peraturan yang berkaitan dengan pembayaran elaun kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang tidak dapat bekerja (hilang pendapatan) kerana menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan dan pendapatan. Bagi tujuan kompetensi dan keperluan tugas semasa, mereka dikehendaki untuk menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan di luar kawasan yang dianjurkan oleh pihak jabatan.
- 2.2 Semua perbelanjaan untuk menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan di luar kawasan ini ditanggung sendiri oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang berkenaan. Hal ini sedikit sebanyak membebankan Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid kerana tidak dapat bekerja (hilang pendapatan) bagi tempoh kursus/ seminar/ latihan berlangsung terutamanya bagi mereka yang bekerja sendiri. Tambahan pula, mereka juga tidak mempunyai elaun tetap yang diperuntukan setiap bulan

sepertimana elaun yang diberikan kepada pegawai masjid, iaitu imam, bilal, siak dan pembantu am wanita.

- 2.3 Menurut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan bil 1/2017 pada 15 Februari 2017, duit tabung masjid boleh digunakan untuk kegunaan pengurusan masjid termasuk untuk pembayaran elaun kursus dan pembayaran duit minyak kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang menjalankan tugas semasa.
- 2.4 Berdasarkan keputusan Mesyuarat Pagi Bil. 2/2023, JHEAINS, satu garis panduan/pekeliling perlu diwujudkan berkaitan bayaran/elaun kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid kerana tidak dapat bekerja (hilang pendapatan) bagi tempoh mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan berkenaan.

3. AHLI JAWATANKUASA (AJK) MASJID YANG LAYAK MENDAPAT BAYARAN ELAUN

- 3.1 Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang layak menuntut elaun kerana menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan adalah mereka yang menepati kriteria seperti berikut :
 - a. Bekerja sendiri.
 - b. Menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan yang dianjurkan oleh MAINS dan JHEAINS atau mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan yang dianjurkan mana-mana agensi yang disokong dan diperakui oleh JHEAINS.

- c. Kehadiran Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid ke mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan yang berkenaan boleh menjaskankan pendapatan tetap mereka.
- 3.2 Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang bekerja bergaji tetap (kerajaan/swasta) tidak layak menuntut elaun kerana menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan.
- 3.3 Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang layak menuntut bayaran duit minyak kerana menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan terhad kepada mereka yang menggunakan kenderaan sendiri sahaja dan kemudahan pengangkutan tidak disediakan oleh pihak penganjur.
- 3.4 Pengerusi Jawatankuasa Masjid bertanggungjawab memastikan tuntutan elaun dan duit minyak kerana menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan adalah bagi kepentingan masjid dan memenuhi keperluan kompetensi Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid.

4. KADAR BAYARAN ELAUN

- 4.1 Kadar bayaran elaun dan duit minyak kerana menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan bagi Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang berkenaan ditetapkan seperti berikut :

a. Kadar elaun :

KADAR ELAUN
RM 50 sehari

Kadar ini berdasarkan penetapan gaji minimum Kementerian Sumber Manusia sebanyak RM 1500.00 sebulan.

b. Kadar duit minyak :

KADAR DUIT MINYAK
RM 0.85 SEN/KM

Kadar ini berdasarkan tuntutan perjalanan semasa menjalankan tugas rasmi dalam negeri bagi kakitangan kerajaan.

4.2 Walau bagaimanapun, tuntutan elaun kerana menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan bagi Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang berkenaan hanya layak dituntut maksimum sebanyak RM300.00 sebulan sahaja bagi setiap individu.

5. KAEDAH PEMBAYARAN ELAUN

5.1 Semua bayaran elaun dan duit minyak kerana menghadiri mesyuarat/ kursus/ seminar/ latihan bagi Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang berkenaan adalah menggunakan duit tabung masjid.

5.2 Bagi tujuan tuntutan, dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan kepada pihak masjid, iaitu :

Bil.	Dokumen
1.	Surat jemputan mesyuarat/kursus/seminar/latihan.
2.	Borang tuntutan elaun yang telah disahkan oleh pihak pengajur seperti lampiran A.

5.3 Tuntutan beserta dokumen yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada bendahari masjid untuk tujuan pembayaran kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid yang berkenaan selewat-lewatnya 14 hari selepas mesyuarat/kursus/seminar/latihan diadakan.

6. TARIKH BERKUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 1 April 2023.

Pengarah
Jabatan Agama Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan Darul Khusus

LAMPIRAN A

**BORANG TUNTUTAN ELAUN
MESYUARAT/ KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR/ LATIHAN
AJK MASJID NEGERI SEMBILAN**

Nama : _____

Jawatan : _____

Masjid : _____

BIL	MAKLUMAT MESYUARAT/ KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR/ LATIHAN	PENGESAHAN PENGANJUR
	Tajuk : Tempat : Anjuran : Tarikh : Bil. Hari: No.Rujukan Fail :	Tandatangan : Nama : Jawatan :

Kategori tuntutan :

a. Elaun hilang pendapatan RM 50.00.

b. Duit Minyak RM 0.85 SEN xKM = RM

Tandatangan pemohon

Diterima oleh :

.....
Tarikh :

.....

(Bendahari)

Tuntutan mestilah disertakan surat jemputan mesyuarat/kursus/seminar/latihan berkaitan.